

RUPA PARAS KULIT “GELAP” BERDASARKAN PERLAMBANGAN TUMBUHAN: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

(*The Appearance of ‘Dark’ Skin Based in Plant Symbolism: An Inquisitive Semantic Analysis*)

Siti Noraini Hamzah¹ 

snoraini@ukm.edu.my

Mohamad Norshafwan Ramlan²

shafuwanramlan@gmail.com

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.^{1&2}

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Siti Noraini Hamzah & Mohamad Norshafwan Ramlan. (2024). Rupa paras kulit “gelap” berdasarkan perlambangan tumbuhan: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 24(1), 45–74. [https://doi.org/10.37052/jb24\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/jb24(1)no2)

Peroleh: <i>Received:</i>	16/5/2024	Semakan: <i>Revised</i>	10/6/2024	Terima: <i>Accepted:</i>	14/6/2024	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	20/6/2024
------------------------------	-----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	-----------

Makalah ini telah melalui penilaian sult berganda (*This article has undergone a double-blind peer review process*)

Abstrak

Kecantikan rupa paras dan fizikal seseorang sering dikaitkan dengan warna kulit. Pandangan dan penilaian masyarakat kontemporari secara umumnya terhadap orang yang berkulit gelap ialah individu yang tidak memiliki rupa paras yang cantik dan tidak menawan, lebih-lebih lagi bagi perempuan. Oleh itu, kajian ini mengetengahkan perlambangan tumbuhan yang dikaitkan dengan rupa paras kulit “gelap”. Metodologi kajian ini bersifat kualitatif yang sumber datanya ialah data sekunder daripada buku himpunan pantun *Kurik Kundi Merah Saga*. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah semantik inkuisitif yang dilihat dapat merungkai tanggapan masyarakat terhadap penggunaan perlambangan tumbuhan dalam pantun bagi menzahirkan pandangan

dan pemikiran masyarakat Melayu terdahulu tentang kulit “gelap”. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa perlambangan yang mengaitkan tumbuhan mempunyai nilai, pemikiran dan falsafah yang positif, serta menzahirkan tahap keintelektualan masyarakat Melayu terdahulu. Sebagai contoh, baris pantun “hitam-hitam si tampuk manggis, sungguh hitam ku pandang manis” mengaitkan fizikal orang berkulit gelap, tetapi masih disenangi dan indah untuk dilihat oleh orang keliling. Tambahan pula, perlambangan dalam prosa tradisional, seperti pantun Melayu, mempunyai hubungan yang erat dengan kegiatan dan kehidupan sehari-hari masyarakat. Kajian ini dilihat dapat meluaskan lagi ruang lingkup penganalisisan dan kajian yang melibatkan prosa tradisional, seperti pantun Melayu.

Kata kunci: Tanggapan, kecantikan, semantik inkuisitif, falsafah, pantun, akal budi

Abstract

The beauty of a person's physical appearance is often associated with skin color. The perception and evaluation of contemporary society generally considers a person with black skin as an individual who does not have a beautiful appearance and is not attractive, especially for a woman. Therefore, this study highlights the symbolism of plants associated with 'black' skin color. The methodology of this study is qualitative in which the data source is secondary data from the collection of pantun 'Kurik Kundi Merah Saga'. The approach used in this study is inquisitive semantics. It is seen to be able to unravel the community's perception of the use of plant symbolism in the poem to reveal the views and thoughts of the previous Malay community about 'black' skin. The study shows that the symbolism associated with plants has positive values, thoughts, Malay wisdom and hence reveals the level of intellectuality of the previous Malay society. For example, the findings in the pantun "hitam-hitam si tampuk manggis, sungguh hitam ku pandang manis" which relates the physical appearance of a person with dark skin but still likable and beautiful to be seen by the people. Furthermore, symbolism in traditional prose such as Malay pantun has a close relationship with the activities and daily life of the community. This study further expands the scope of analysis and research involving traditional prose such as Malay pantun.

Keywords: *Impression, beauty, inquisitive semantics, philosophy; pantun, Malay wisdom*

PENDAHULUAN

Pantun terhasil daripada kebitaraan tamadun alam Melayu yang tidak ditemukan dalam mana-mana karya asing yang lain, seperti puisi Jawa dan Sanskrit (Harun Mat Piah, 1989). Hal ini bermakna, pantun Melayu dicipta tanpa ada nama pengarang dan tidak dicampuri unsur daripada budaya asing. Pantun Melayu juga dikatakan sudah wujud sebelum orang Melayu pandai membaca dan menulis (Omardin Haji Asha'ari, 1961). Keindahan yang dizahirkan melalui pantun Melayu bukan sahaja memfokuskan aspek maknanya semata-mata, tetapi turut melibatkan hasil dukungan pembayang dalam pantun itu sendiri, yang dilihat saling berkait rapat antara satu dengan lain. Puisi tradisional, seperti pantun Melayu, dihasilkan daripada kekayaan minda, ketajaman imaginasi dan kehalusan jiwa pengubah dan keterbukaan orang Melayu terhadap dunia luar (Abd. Rachman Abror, 2003). Perlambangan dalam puisi tradisional, seperti pantun Melayu, mempunyai hubungan yang erat dengan kegiatan dan kehidupan seharian masyarakat itu sendiri (Abd. Rachman Abror, 2003).

Masyarakat majmuk di Malaysia secara umumnya terdiri daripada pelbagai bangsa, agama dan warna kulit yang saling hidup harmoni antara satu dengan lain. Walaupun perbezaan ini dapat dilihat, keadaan ini bukanlah suatu kesulitan dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Namun begitu, terdapat segelintir pihak atau individu yang memainkan sentimen rasisme yang melibatkan perbezaan warna kulit dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Contohnya, seorang pempengaruh media sosial menjadi mangsa buli siber apabila dikecam badan (*body shaming*) oleh netizen dalam media sosial berkenaan kulitnya yang hitam. Pelbagai kritikan dan cemuhan, bahkan hinaan dilemparkan kepada dirinya dan keluarga. Isu seperti ini dianggap serius kerana melibatkan maruah dan air muka seseorang individu (Khai Azfar, 2019). Media elektronik dan laporan akhbar dalam talian juga banyak melaporkan isu rasisme yang melibatkan warna kulit. Kejadian ini bukan hanya melibatkan kaum minoriti yang lain, seperti Cina dan India, tetapi turut berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu. Perkara ini mempengaruhi emosi mangsa sehingga menyebabkan mangsa mengalami kesedihan, kemurungan, ketakutan dan kemarahan (Suriana Che Awang & Khadijah Alavi, 2020). Hal ini membuktikan bahawa perbezaan warna kulit bukanlah isu terpencil.

Sehubungan dengan itu, masyarakat Melayu terdahulu telah mengetengahkan persepsi dan pandangan tentang isu perbezaan warna

kulit melalui puisi tradisional, seperti pantun Melayu. Masyarakat Melayu terdahulu memiliki nilai kesopanan yang tinggi dan tahu menjaga hati orang keliling ketika berbicara sehingga wujudnya pelbagai kiasan yang bertujuan untuk tidak menyinggung perasaan orang lain. Sebagai contoh, baris pantun “hitam-hitam si tampuk manggis, sungguh hitam ku pandang manis” mengaitkan fizikal orang berkulit gelap, tetapi disenangi dan indah untuk dilihat. Puisi tradisional Melayu, seperti pantun, banyak menerapkan unsur alam semula jadi yang terdapat di keliling kehidupan masyarakat bagi menyampaikan mesej. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilakukan untuk meneliti persepsi dan pandangan masyarakat Melayu tentang rupa paras “gelap” melalui pantun berpandukan pendekatan semantik inkuisitif. Kajian ini memfokuskan perlambangan tumbuhan, iaitu unsur flora yang digunakan sebagai pembayang dalam rangkap pantun bagi membicarakan isu tersebut. Koheren antara unsur alam sekitar dengan mesej yang ingin disampaikan menggambarkan bahawa masyarakat Melayu dahulu sangat kreatif dan imaginatif (Fatimah Md Yassin, 1991). Perlambangan tumbuhan atau unsur flora dipilih kerana elemen ini lebih dominan berbanding dengan perlambangan lain.

Permasalahan Kajian

Menurut Laporan Tinjauan Diskriminasi Kaum Dunia 2023, Malaysia menduduki tempat ke-11 secara keseluruhannya bagi masalah rasisme yang teruk di dunia. Selain itu, laporan diskriminasi perkauman Malaysia juga melaporkan 24 insiden yang berkaitan dengan diskriminasi (warna kulit, kaum dan sebagainya) pada tahun 2020. Angka tersebut menunjukkan bahawa permasalahan ini bukan insiden yang terpencil dan harus diberikan perhatian oleh pelbagai pihak. Persepsi masyarakat kontemporari secara umumnya menganggap seseorang yang berkulit hitam itu sebagai individu yang tidak memiliki rupa paras yang cantik dan tidak menawan (Star Media Group, 2019). Namun begitu, yang lebih menarik ialah masyarakat terdahulu telah membincangkan dan memberikan pandangan terhadap isu ini. Dalam pantun Melayu, ternyata bahawa orang Melayu terdahulu sudah lama menyuarakan pendapat dan mengetengahkan persepsi tentang isu warna hitam. Walau bagaimanapun, kupasan isu ini secara terperinci kurang dilakukan oleh pengkaji lepas.

Penerokaan dunia pantun Melayu sememangnya memerlukan pemikiran aras tinggi kerana terselit falsafah yang sukar dihadam oleh pemikiran biasa. Kebanyakan pengkaji lepas mengemukakan penginterpretasian

pada peringkat rangkap makna pantun sahaja. Hal ini dilihat sebagai masih tidak mencukupi kerana hanya melibatkan makna selapis yang bersifat harfiah. Oleh itu, pendekatan semantik inkuisitif diaplikasikan sebagai satu daripada penyelesaian penginterpretasian unsur aforisme, seperti pantun dan peribahasa, secara lebih mendalam. Pengaplikasian prakarsa ini bukan sahaja melibatkan penginterpretasian secara harfiah, tetapi ditelusuri secara kritis dengan melihat falsafah di balik penggunaan perlambangan yang terlibat. Pendekatan ini dilihat mampu mencerakinkan nilai, pemikiran dan falsafah yang ingin disampaikan secara langsung atau tidak langsung seberapa dalam yang mungkin. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi merungkai persepsi dan pandangan berkenaan rupa paras “gelap” dalam pantun Melayu berbantuan pendekatan semantik inkuisitif secara tuntas.

KAJIAN LEPAS

Secara umumnya, kajian tentang pantun Melayu sememangnya sudah banyak dilakukan oleh pengkaji lepas, seperti Essy Sham et al. (2022), yang membincangkan *Pantun Kelakar* oleh Tenas Effendy. Kajian ini memfokuskan unsur metafora bernyawa yang melibatkan empat haiwan, iaitu buaya, monyet, singa dan ular. Unsur metafora yang melibatkan keempat-empat haiwan ini dikaitkan dengan golongan pemimpin di sesebuah negara. Hasil dapatan menunjukkan bahawa perihal dan perwatakan berbeza-beza yang mewakili haiwan tersebut dapat dijadikan nasihat dan peringatan untuk pemimpin agar lebih melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin yang mengetuai dan memimpin rakyat.

Selain itu, kajian berkenaan pantun Melayu juga dilakukan dengan menggunakan beberapa pengaplikasian teori terdahulu dalam bidang semantik dan pragmatik, seperti kajian yang dilakukan oleh Zaitul Azma Zainon Hamzah (2017) yang bertujuan untuk mengenal pasti unsur yang menzahirkan kualiti pendidikan dan tahap keintelektualan orang Melayu melalui pantun dan peribahasa Melayu. Pengkaji tersebut menerapkan *Grounded Theory* yang berlandaskan pendekatan etnometodologi, Teori Kognitif-Konstruktiviti dan pendekatan pragmatik. Hasil kajian menunjukkan bahawa aspek bahasa, seperti (tatabahasa, leksikon, semantik, metafora dan pragmatik) yang diterapkan dalam pantun dan peribahasa menzahirkan falsafah dan akal budi bangsa Melayu secara jelas. Falsafah yang ditemukan meliputi adab, sopan santun, kepentingan menuntut ilmu, pengalaman dan penghayatan kehidupan sehari-hari, serta

nasihat. Malah, bentuk bahasa yang digunakan menunjukkan nilai didikan dan kebijaksanaan bangsa Melayu. Rumusan kajian menunjukkan bahawa kewujudan pantun dan peribahasa Melayu berkait dengan pemikiran logik. Hal ini jelas kelihatan apabila unsur yang terdapat di keliling kehidupan orang Melayu digambarkan secara falsafah. Kemudian, makna dan konsep yang berhasil jelas kelihatan dalam pelbagai kenyataan, bentuk bahasa, ilmu, falsafah dan pemikiran masyarakat Melayu.

Seterusnya, Anida Sarudin dan Parameswary Shanmugam (2023), serta Rozaimah Rashidin et al. (2023) melihat aspek metafora dalam peribahasa dan karya Hamka masing-masing. Kedua-dua kajian ini menggunakan Teori Hibrid untuk merungkai isu metafora. Sementara itu, Julaina Nopiah dan Nur Maizatul Maisarah Nasrong (2020) pula mengkaji makna ujaran implisit dalam vlog Mat Luthfi menggunakan Teori Relevans. Hasil dapatannya menunjukkan bahawa penutur mempunyai mesej tertentu yang ingin disampaikan kepada pendengar atau pembaca. Penginterpretasian makna dapat dirungkai dengan tuntasnya menggunakan Teori Relevans.

Di samping itu, terdapat banyak kajian lepas yang turut menggunakan pendekatan semantik inkuisitif sebagai kerangka teori, tetapi menggunakan sumber data yang berbeza, seperti peribahasa dan simpulan bahasa. Kajian yang dilakukan oleh Mohd Syukri Anwar dan Nor Hashimah Jalaluddin (2021) melibatkan penganalisisan makna simpulan bahasa “lipas kudung” dan peribahasa “katak di bawah tempurung”. Hasil dapatan kajian berjaya memperlihatkan hubungan pertentangan menerusi perlambangan imej haiwan, iaitu “lipas” yang digambarkan sebagai pelakuan yang lincah, cepat dan bijak dalam bertindak, manakala “katak” pula dikaitkan dengan tingkah laku yang sebaliknya, iaitu membawa maksud pemikiran yang sempit, sikap pemalas dan keadaan jahil. Kajian yang dilakukan oleh Julaina Nopiah dan Fikratul Jahriyyah Anuar (2023) pula melihat unsur eufemisme dalam peribahasa Melayu. Unsur eufemisme yang diwakili oleh setiap objek dalam peribahasa yang dipilih sangat berkait rapat dengan kehidupan masyarakat Melayu pada zaman dahulu.

Dalam pada itu, terdapat pengkaji terdahulu yang menelaah puisi tradisional, seperti pantun Melayu, sebagai data utama menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Dalam hal ini, Maulana Al-Fin Che Man dan Nor Hashimah Jalaluddin (2022) mengklasifikasikan kejadian alam di lautan dan gambaran mental berkenaan maksud yang didukung dalam pantun berpandukan pendekatan semantik inkuisitif. Hasil dapatan kajian yang menerapkan pendekatan tersebut berjaya membuktikan bahawa

masyarakat Melayu terdahulu mengiaskan alam semula jadi (fenomena alam) dengan kehidupan manusia menerusi pantun. Metafora yang diketengahkan dalam pantun Melayu sedikit sebanyak menunjukkan pengamatan dan pengalaman hasil daripada pandangan keliling masyarakat Melayu terdahulu.


Hal yang sama dapat dilihat dalam kajian yang dilakukan oleh Maulana Al-Fin Che Man et al. (2022) yang mengenal pasti geografi tempat (maritim) berdasarkan unsur geografi dalam pantun tradisional Melayu, seperti “pulau”, “tanjung”, “kuala”, “teluk”, “laut” dan “pantai”, serta turut menghuraikan hubung kait pembayang dan makna pantun yang mengandungi unsur geografi tempat (maritim) secara terperinci. Hasil kajian mendapati bahawa perlambangan “tanjung” dikaitkan dengan “tapak kasih sayang”, manakala perlambangan “pulau” mempunyai makna tersirat berkenaan “jarak kasih sayang”. Perlambangan “tanjung” dan “pulau” ini memerikan elemen kesantunan orang Melayu terdahulu dalam berkasih sayang.

Berikutnya, kajian yang dilakukan oleh Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani dan Noriah Mohamed (2020) bertujuan untuk menghuraikan perlambangan yang berkaitan dengan unsur flora (bunga) dalam pantun. Hasil dapatan kajian menjelaskan bahawa perlambangan “bunga” bukan sahaja mempunyai maksud yang merujuk satu-satu spesies tumbuhan, tetapi berjaya menjelaskan daya kreativiti yang dibina oleh masyarakat Melayu terdahulu dengan mengasimilasi konsep “bunga” dengan objek, perkara, tingkah laku dan peristiwa yang berlaku dalam kehidupan masyarakat Melayu pada zaman itu. Ekoran itu, penelitian yang dilakukan dalam kajian ini melihat perlambangan tumbuhan yang dapat dikaitkan dengan rupa paras “gelap” seseorang berdasarkan pendekatan semantik inkuisitif secara berpada seperti kajian yang dilakukan oleh Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani dan Noriah Mohamed (2020). Namun begitu, kajian ini lebih memfokuskan aspek rupa paras “gelap” dengan pelibatan pelbagai unsur tumbuhan berbanding dengan kajian yang dilakukan oleh Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani dan Noriah Mohamed (2020) yang memfokuskan unsur (flora) sahaja dengan hasil perbincangan yang melibatkan pelbagai senario dalam masyarakat.

METODOLOGI

Perbincangan ini mengaplikasikan kaedah kualitatif yang bersifat deskriptif. Kajian ini menggunakan kaedah analisis dokumen dengan sumber datanya buku himpunan pantun Melayu, iaitu *Kurik Kundī*

Merah Saga bagi mengumpulkan data berkenaan warna kulit. Buku ini menghimpunkan sebanyak 5653 rangkap pantun. Tatacara pengumpulan data dalam kajian ini ditunjukkan dalam Rajah 1.




Rajah 1 Tatacara pengumpulan data.

Pada peringkat awal, proses pencarian data pantun dilakukan dengan menggunakan buku himpunan pantun Melayu, iaitu *Kurik Kundi Merah Saga* yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2015. Buku ini dipilih kerana menghimpunkan sebanyak 47 rangkap pantun yang mengandungi leksikal “hitam” secara keseluruhannya berbanding dengan sumber data buku himpunan pantun yang lain. Walau bagaimanapun, hanya 17 rangkap pantun yang membicarakan kulit hitam. Dalam konteks masyarakat Melayu, konsep “hitam” ditandai sebagai individu yang berkulit “gelap”.

Kemudian, tahap pemilihan data dilakukan berdasarkan rangkap makna pantun yang mengandungi kata kunci “hitam” dan merujuk objek hidup, seperti manusia sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana fokus kajian berkaitan dengan persepsi dan penilaian masyarakat Melayu terhadap individu berkulit hitam. Kajian ini juga dilakukan atas alasan isu layanan yang tidak sama rata dan rasisme yang banyak berlaku dalam kelompok tersebut.

Seterusnya, proses penelitian setiap rangkap pantun yang mengandungi leksikal “hitam” dilakukan dengan membataskan tema kasih sayang/cinta. Tema ini dipilih sebagai skop kajian kerana kerap ditemukan dalam pantun yang menggunakan leksikal “hitam” bagi merujuk warna kulit seseorang. Selain itu, tema ini juga sedikit sebanyak menjelaskan persepsi dan kecantikan “isi hati” masyarakat Melayu berkenaan individu berkulit hitam. Kasih sayang/cinta mempunyai maksud cinta, kasih atau perasaan (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016), manakala persepsi pula melibatkan gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Kedua-dua elemen tersebut melibatkan perasaan dalam diri seseorang manusia. Oleh itu, tema ini dipilih untuk menjelaskan kecantikan “isi hati” masyarakat Melayu tentang isu yang dibincangkan dalam kajian ini. Pemilihan data dilakukan dan hasilnya, sebanyak 17 rangkap pantun yang mengandungi leksikal “hitam” yang merujuk warna kulit telah dikenal pasti. Perlambangan tumbuhan dipilih kerana unsur tersebut merupakan unsur yang banyak digunakan dan ditemukan di sekitaran kehidupan orang Melayu. Perlambangan ini bermaksud sesuatu yang melambangkan, menggambarkan atau menyatakan sesuatu yang lain (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Penelitian bahasa melalui metodologi yang empirikal ini mampu menterjemahkan nilai keintelektualan masyarakat Melayu dengan cermatnya (Asiah Ismail et al., 2021).

Pelbagai unsur metafora digunakan dalam penghasilan sesebuah rangkap pantun untuk meluaskan pemikiran masyarakat. Satu daripadanya ialah perlambangan tumbuhan di keliling kehidupan masyarakat Melayu bagi mengetengahkan mesej berkenaan sesuatu isu. Segala ketidakpuasan yang dirasai bagi memaparkan makna sebenar yang ingin disampaikan membuktikan bahawa kedua-dua tahap analisis, iaitu semantik skrip dan semantik resonans, perlu ditambah baik. Semantik skrip melibatkan proses analisis pantun Melayu secara literal dan harfiah sahaja. Semantik resonans pula melibatkan analisis makna tersirat menggunakan beberapa pendekatan, seperti Teori Relevans (TR), merangkumi *ad-hoc* penyempitan dan Rangka Rujuk Silang (RRS). Oleh itu, satu inisiatif baharu dikemukakan oleh Nor Hashimah (2014) bagi menggarap penginterpretasian makna secara menyeluruh sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 2.




Rajah 2 Aliran pendekatan semantik inkuisitif. (Sumber: Nor Hashimah Jalaluddin, 2020)

Dengan berdasarkan Rajah 2, Nor Hashimah Jalaluddin (2020) memisahkan bahagian proses analisis ini kepada tiga tahap. Tahap 1 melibatkan paparan harfiah dan makna literal sahaja. Kajian yang melibatkan makna literal banyak dilakukan oleh pengkaji lepas. Tahap ini lebih dikenali sebagai semantik skrip. Pada peringkat ini, perbincangan yang dilakukan hanya meneliti leksikal dan interpretasi maknanya, serta dikaitkan dengan data skrip. Walau bagaimanapun, kajian semantik skrip dilihat tidak memadai kerana hanya melihat makna secara “mata kasar” atau literal.

Oleh itu, muncul kajian peringkat kognitif yang lebih meneliti makna sesuatu kiasan dengan lebih mendalam. Kajian yang dimaksudkan ini ialah semantik resonans. Melalui tahap semantik resonans, terdapat beberapa pengaplikasian teori yang digunakan, iaitu Teori Relevans (TR) yang dibahagikan kepada *ad hoc* penyempitan dan *ad hoc* perluasan. Teori ini melibatkan proses konsepsi dengan melibatkan makna yang diluaskan (*ad hoc* perluasan) atau disempitkan (*ad hoc* penyempitan). *Ad hoc* perluasan bermaksud konsep yang membina pelbagai andaian implikatur dan pemilihan kesimpulan implikatur dilakukan daripada

pelbagai andaian yang terhasil. Frasa yang mengandungi unsur metafora dianalisis menggunakan konsep *ad hoc* perluasan. *Ad hoc* penyempitan pula melibatkan konsep yang menghasilkan kemungkinan makna daripada leksikal berkenaan. Kemudian, makna yang tidak relevan akan digugurkan untuk memperolehi makna sebenar yang ingin disampaikan. Konsep *ad hoc* penyempitan dapat membantu mengatasi gejala ketaksaan makna dengan menyasarkan item leksikal tertentu dan mengukuhkan konsep yang dikod oleh item leksikal tersebut (Nurul Huda Mohd Saad, 2015). Pada tahap kedua ini, pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) juga boleh digunakan untuk memperoleh makna sebenar secara menghubungkaitkan frasa yang mengandungi unsur metafora dengan bantuan data korpus DBP.



Rajah 3 Susur galur semantik inkuisitif. (Sumber: Muhammad Zaid Daud, 2018)

Seterusnya, setelah perkaitan makna dan objek dihuraikan melalui tahap semantik resonans, satu lagi tahap perlu dilalui bagi merungkai falsafah dan akal budi yang ingin diketengahkan. Tahap penganalisisan ini dikenali sebagai semantik inkuisitif. Seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 3, semantik inkuisitif ialah prakarsa yang menambah baik penelitian daripada peringkat semantik skrip dan semantik resonans. Semantik inkuisitif berupaya mengaitkan data, teori dan kognisi, serta falsafah dan akal budi penuturnya (Nor Hashimah Jalaluddin, 2014). Peringkat ini merupakan proses penginterpretasian akal budi yang membatasi had sempadan ilmu dengan mengambil kira bukti di luar bidang linguistik, seperti agama, budaya dan sains.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa perlambangan imej tumbuhan, khususnya **manggis** dan **asam kandis** dilihat tidak menarik bagi merujuk rupa paras seseorang dari sudut luaran. Walau bagaimanapun, apabila ditelusuri secara mendalam, maknanya membawa nilai dan falsafah yang tersendiri. Hal ini juga menggambarkan bahawa masyarakat Melayu dahulu begitu tinggi nilai budayanya apabila menyampaikan sesuatu mesej kepada khalayak.

Analisis “Manggis”

Analisis ini menggunakan Pantun (1) yang diambil daripada buku *Kurik Kundi Merah Saga* (2015) seperti yang berikut:

Pantun 1

Hitam-hitam si tampuk manggis,
Bunga kemuning gugur bunganya;
Hitam-hitam kupandang manis,
Putih kuning tiada gunanya.

Rangkap Pantun (1) menunjukkan baris pembayang pantun yang menggunakan perlambangan **manggis** dan **bunga kemuning** untuk dikaitkan dengan baris maksud. Dua unsur perlambangan dalam rangkap pembayang digunakan bagi merujuk dua pihak yang berbeza berdasarkan leksikal **hitam** dan **putih**. Analisis yang dilakukan ini menjelaskan elemen koheren antara pembayang dengan maksud, seterusnya mencungkil nilai murni, falsafah dan akal budi yang cuba dizahirkan dalam pantun ini.

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Pada tahap ini, data dianalisis berdasarkan makna yang diinterpretasikan pada peringkat literal/harfiah sahaja. Rangkap pembayang pantun menggambarkan ciri fizikal luaran buah manggis dan faktor semula jadi bagi bunga yang mengalami keguguran. Dalam hal ini, manggis ialah sejenis tumbuhan (buah dan pokoknya), mesetor, sementah, semetah; *Garcinia mangostana* (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Kemuning pula ialah sejenis tumbuhan (pokok), ketengah, *Merrillia caloxylon*, *Murraya peniculata* (*exotica*) (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Rangkap maksud pula membicarakan kecantikan dari dalaman tanpa mengambil

kira keadaan fizikal seseorang. Rangkap maksud cuba mengetengahkan persepsi umum terhadap dua pihak berbeza. Dalam konteks masyarakat Melayu, perbezaan warna kulit ditandai dengan keadaan kulit “gelap” dan “cerah”.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Tahap ini diteruskan dengan pendekatan *ad hoc* (Carston, 2002) yang merupakan subkonsep dalam Teori Relevans. Pada peringkat ini, berlaku pemetaan abstrak kepada konkrit. Pendekatan ini dimulakan dengan proses memahami bentuk logik **manggis**.

Jadual 1 Analisis eksplikatur bentuk logik “tampuk manggis”.

Eksplikatur	Bentuk Logik
Manggis	<p>Sejenis tumbuhan (pokok dan buahnya); mesotor; sementah; semetah.</p> <p style="text-align: right;"><i>(Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016)</i></p> <p>Nama sejenis pokok atau buahnya (buahnya berkulit tebal, isinya putih lagi manis rasanya).</p> <p style="text-align: right;"><i>(Kamus Pelajar Edisi Kedua, 2015)</i></p>

Setelah bentuk logik bagi eksplikatur dibentuk, proses pengukuhan ensiklopedia berlaku pada pembaca atau pendengar pantun. Bentuk logik yang terhasil lebih mudah mencapai tahap kerelevan yang tinggi sekiranya pembaca atau pendengar pantun berada dalam sekitaran kognitif pemantun. Dalam hal ini, maklumat ensiklopedia yang dijana ialah **manggis merupakan sejenis tumbuhan, rasa buah manggis adalah manis, kulit manggis berwarna hitam** dan **manggis adalah buah tempatan**. Maklumat ensiklopedia ini dihasilkan daripada pengetahuan sedia ada dan pengalaman lepas yang pernah dilalui oleh pembaca atau pendengar pantun.

Analisis seterusnya melibatkan proses *ad hoc* penyempitan makna bagi leksikal **manggis** setelah proses pengukuhan maklumat ensiklopedia dilakukan. Proses ini bertujuan untuk menginterpretasikan makna metafora **manggis**. Proses *ad hoc* penyempitan bagi leksikal **manggis** ini ditunjukkan dalam Rajah 4.



Rajah 4 Laluan inferens MANGGIS.


Rajah 4 menunjukkan laluan inferens yang terbentuk daripada eksplikatur **manggis** kepada konsep fizikal **kulit**. Daripada pemahaman konsep fizikal tersebut, pembaca atau pendengar pantun dapat menyempitkan pemahaman berkenaan **manggis** dengan menghasilkan konsep **kulit gelap*** yang merujuk kulit manusia. Manggis sejenis tumbuhan (buah dan pokoknya) (Arif Nur Muhammad Ansori et al., 2020; *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016) dan satu daripada buah tempatan yang ada di Malaysia. Isi buah manggis berwarna putih, manakala bahagian kulit luarannya kehitam-hitaman. Ciri fizikal yang terdapat pada kulit manggis dianalogikan kepada individu yang berkulit gelap. Konsep gelap merupakan satu daripada ciri fizikal luaran bagi sesetengah kulit manusia. **Hitam** pula ialah warna seperti warna arang; lawan putih ~ berkilat warna hitam yang berkilat (agak berminyak); ~ birat orang yang kulitnya hitam lagi hodoh (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Dengan berdasarkan definisinya, konsep gelap manganalogikan **manggis** kepada **kulit gelap*** disebabkan oleh ciri fizikal luaran yang dapat dilihat antara kulit manggis dengan kulit sesetengah manusia. Namun begitu, ciri luaran ini tidak semestinya menggambarkan sifat sebenar seseorang itu.

Seterusnya, andaian implikatur yang terbentuk lebih jelas dengan adanya laluan inferens yang dinyatakan itu. Pendengar atau pembaca dapat memahami bahawa rangkap pantun tersebut merupakan elemen ujaran yang merujuk kelompok tertentu secara khusus. Beberapa andaian implikatur yang bakal digugurkan dan dipilih oleh pembaca atau pendengar untuk mencapai tahap kerelevan yang optimum adalah seperti yang berikut:

1. Manggis sejenis tumbuhan
2. Rasa buah manggis manis
3. Manggis ialah buah tempatan
4. Kulit manggis berwarna gelap*

Andaian implikatur yang dibentuk mampu berlanjutan secara lebih meluas sekiranya tidak dikawal. Namun begitu, inferens yang dihasilkan mesti berpandukan makna **manggis** sahaja. Andaian (1) dan (3) dilihat lebih bersifat umum berkenaan **manggis** kerana tidak mempunyai unsur metafora yang diselitkan. Kedua-dua andaian tersebut digugurkan kerana tiada kerelevan dengan andaian yang dihasilkan sebelum ini. Andaian (2) pula melibatkan rasa buah itu sendiri yang manis apabila telah masak dengan sempurnanya. Walaupun begitu, andaian berkenaan masih tidak dianggap sebagai maksud metafora yang ingin disampaikan dalam pantun tersebut. Dengan berpandukan andaian mengikut kontekstualiti dan kesan kognitif pembaca atau pendengar, andaian (4) merupakan andaian paling hampir untuk mengetengahkan maksud metafora dan dalam masa yang sama mempunyai maksud yang ingin diketengahkan dalam pantun, iaitu merujuk warna. Hal ini dikatakan demikian kerana kulit **manggis** dan warna kulit sesetengah individu yang berkulit gelap mempunyai ciri fizikal yang sama iaitu kedua-duanya berwarna hitam.

Dengan berdasarkan konsep *ad hoc* penyempitan, pendengar atau pembaca mesti memilih andaian yang paling relevan dalam lingkungan C* bagi kata **manggis**, kemudian terbentuklah maksud yang dikehendaki, iaitu **kulit manggis berwarna gelap**. Oleh itu, andaian dalam lingkungan L digugurkan secara automatik. Kesan kognitif yang berlaku dalam minda pendengar atau pembaca berpandukan andaian yang terbentuk ini dapat dilihat menerusi rajah venn dalam Rajah 5.



Rajah 5 Proses *ad hoc* penyempitan bagi leksikal “manggis”.

Rajah 5 memaparkan proses pemilihan andaian yang paling hampir dengan makna pantun. Pemilihan ini berlaku dalam ruang kognitif manusia dengan pantasnya. Konsep **hitam** pada manggis dikaitkan dengan seseorang yang berkulit **gelap**. Tuntasnya, andaian yang berada dalam lingkungan C* merupakan andaian yang paling relevan dengan mesej dan makna tersirat yang ingin disampaikan dalam pantun tersebut, manakala andaian yang berada dalam lingkungan L dilihat kurang relevan, seterusnya tergugur dengan sendirinya. Oleh hal yang demikian, kehadiran objek **manggis** dalam pantun ini merujuk individu yang berkulit gelap.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Unsur metafora dalam pantun Melayu bukan terhasil secara tidak sengaja. Pada tahap ketiga ini, setiap persoalan dirungkai berdasarkan baris pembayang dan makna dalam Pantun (1). Persoalan pertama ialah punca seseorang yang berkulit gelap dianggap manis dan disamakan dengan **manggis**. Seseorang individu yang berkulit gelap dikaitkan dengan **manggis** kerana keistimewaan dan manfaat yang dimiliki oleh ciri buah ini yang dilihat dapat memberikan kebaikan kepada orang lain. **Manggis** juga dikenali dalam kalangan masyarakat kerana rasanya yang sangat manis apabila sudah cukup masak. **Manggis** juga kaya dengan pelbagai manfaat kepada manusia, sama ada pada bahagian luaran (kulit) atau isi manggis itu sendiri (*Organic Facts*, 2020). Seperti yang dapat dilihat dengan pandangan mata kasar, kulit manggis berwarna ungu kehitaman dan memiliki tumpuk yang berwarna hitam di bawahnya. Satu daripada persamaan konsep yang dapat dilihat dalam pantun ini menerusi baris maksud **hitam-hitam kupandang manis** merujuk konsep “sejuk mata memandang”, begitu juga ciri buah **manggis** yang tercakup dalam makanan berunsur “sejuk” bagi masyarakat Melayu. Persepsi positif terhadap seseorang yang berkulit gelap menjadi mesej yang berimplisit dengan menggunakan objek **manggis**. Mesej tersebut dizahirkan melalui unsur “sejuk” yang menjadi ciri semula jadi buah manggis. Unsur sejuk yang cenderung merangsang rasa sihat mampu menyebabkan seseorang individu itu gembira dan seronok (Julaina Nopiah et al., 2018). Dalam perubatan tradisional masyarakat Cina, makanan “sejuk” mampu menurunkan unsur “panas” yang berlebihan di dalam badan dan mampu menjadi agen penyahtoksi badan manusia (Sheikh Hakim Moinuddin Chishti, 1996). Dalam pandangan sarwa masyarakat Melayu, makanan

berunsurkan “sejuk” mempunyai ciri, seperti berair, berlendir, bergetah, masam dan menjalar. Makanan, seperti manggis, kangkung, bendi, bacang, pucuk paku, tembakai, timun dan pisang, merupakan tumbuhan semula jadi yang tergolong sebagai makanan “sejuk” (Julaina Nopiah et al., 2018).

Menurut Nik Musa’adah Mustapha et al. (2017), dalam perubatan tradisional Melayu, serbuk kulit manggis yang dikeringkan dapat menjadi alternatif bagi rawatan cirit berdarah, manakala air seduhan/rebusan kulit manggis buah yang segar diminum untuk tujuan yang sama, serta merawat cirit-birit yang keterlaluan. Terdapat segelintir masyarakat Melayu terdahulu yang menghasilkan campuran air seduhan manggis dengan pisang mentah yang dilenyekkan bersama-sama sedikit bahan kimia, seperti benzoin, untuk merawat luka khatan bagi kanak-kanak lelaki (Natasya Marzaimi & Wan Mohd Aizat, 2019). Manggis juga mempunyai pelbagai manfaat lain, seperti kaya dengan 40 khasiat (kaya dengan vitamin C, rendah kalori, mineral, antioksidan, zat besi, niasin, kalsium, protein dan serat, serta vitamin B1 dan B2). Manggis juga mempunyai peratusan kandungan bahan *xanthones* yang merupakan sejenis superantioksidan yang agak tinggi dan dikatakan memiliki kelebihan bagi meningkatkan kualiti sistem imunisasi badan manusia (Michael, 2021). Kulit manggis kelihatan berwarna ungu kehitam-hitaman dan memiliki tumpuk yang berwarna hitam di bawahnya.

Selain itu, kelebihan lain kulit manggis dibuktikan berdasarkan kajian saintifik dalam perubatan moden, iaitu campuran kulit manggis yang terdiri daripada struktur trisiklik *xanthene-9-one* yang lazimnya ditemukan pada tumbuhan, kulat dan lichen mampu merawat penyakit radang kulit (Aye et al., 2020). Kajian yang dilakukan oleh Dina Febrina et al. (2018), di Filipina menunjukkan bahawa air seduhan daun pokok manggis dijadikan ubat dalam bentuk cecair untuk diminum oleh masyarakat setempat bagi tujuan meredakan masalah buang air kecil, serta mampu menjadi agen penyejuk suhu badan ketika demam. Di India pula, kulit buah manggis turut dijadikan alternatif bagi gejala cirit-birit. Kulit buah manggis yang berketebalan sesuku inci itu kaya dengan astringen (cecair pengering), iaitu bahan kimia yang mengecutkan tisu badan pada musim hujan (Dina Febrina et al., 2018). Kulit manggis juga mampu menghasilkan cecair melekit berwarna kekuning-kuningan yang merupakan sejenis gamboj. Bahan ini digunakan sebagai cat warna kenderaan dan ubat (Dina Febrina et al., 2018). Asalnya, bahan ini berwarna oren kecoklatan yang kemudiannya bertukar menjadi warna kuning terang (apabila diproses menjadi serbuk) (Dina Febrina et al., 2018). Kulit manggis turut

digunakan sebagai sumber pewarna utama dalam pembuatan kain batik yang menghasilkan warna ungu, merah atau keperangan (bagi masyarakat Melayu) dan warna hitam (bagi orang Cina). Masyarakat Melayu terdahulu mula menyedari kepelbagaian kegunaan manggis, sama ada kulit atau isinya. Oleh hal yang demikian, masyarakat Melayu terdahulu cuba mencipta rangkap pantun Melayu berdasarkan warna dan rasa isinya, manfaat dan ciri fizikal luarannya yang berwarna kehitam-hitaman untuk dikaitkan dengan orang berkulit gelap.

Persoalan kedua ialah justifikasi penggunaan **manggis** sebagai perlambangan bagi orang berkulit gelap yang dianggap manis untuk dipandang. Dari segi pengalaman lepas tentang **manggis**, hal ini berkait dengan rasa buah manggis. Apabila buah manggis telah cukup masak, rasanya sangat manis. Manis juga bermaksud sedap dipandang, elok dan sangat menarik hati (kelakuan, tutur kata dan lain-lain) (*Kamus Pelajar Edisi Kedua*, 2015). Makna tersebut merujuk objek hidupan, seperti manusia. Makna di balik leksikal **manis** tidak hanya tertumpu pada deria rasa semata-mata, tetapi turut melibatkan penerimaan dan persepsi positif terhadap seseorang tentang sesuatu perkara. Perlambangan **manggis** juga digunakan kerana pelbagai manfaat yang dimiliki oleh tumbuhan tersebut untuk manusia. Elemen positif yang ada padanya cuba dikaitkan dengan individu berkulit gelap bagi membentulkan persepsi sesetengah kelompok masyarakat yang memandang rendah terhadap individu berkulit gelap hanya disebabkan oleh perbezaan warna kulit. Warna putih isi manggis yang telah cukup masak dapat dikaitkan dengan nilai murni yang terdapat dalam diri seseorang. Warna putih bermaksud warna yang paling cerah (seperti kapas), kiasan pada bersih, suci dan murni (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Nilai yang dapat diambil daripada fizikal isi manggis yang putih ini melibatkan konsep “Jangan menilai buku daripada kulitnya”. Warna isi manggis yang putih bersih ini mampu menjadi pengimbang bagi kulit pada bahagian luarnya yang berwarna hitam. Maka, konsep “hitam itu menawan” dapat diketengahkan dengan koheren antara isi manggis yang cukup masak dengan kulit luarnya yang berwarna kehitam-hitaman. Oleh hal yang demikian, perlambangan **manggis** dalam pantun ialah simbolik atau kiasan terhadap penilaian yang dilakukan terhadap seseorang yang bukan hanya meliputi warna kulit semata-mata, tetapi melibatkan keperibadian dan akhlak. Menerusi rangkap pantun yang diteliti, mesej yang cuba diketengahkan melibatkan nasihat yang amat berguna, terutamanya ketika ingin menilai seseorang individu.

Analisis “Asam Kandis”

Analisis ini menggunakan Pantun (2) yang diambil daripada buku *Kurik Kundi Merah Saga* (2015) seperti yang berikut:

Pantun 2

Bukan asam sebarang asam,
Asam kandis dari seberang;
Bukan hitam sebarang hitam,
Tidak puas mata memandang.

Data Pantun (2) menunjukkan baris pembayang yang menggunakan perlambangan **asam kandis** untuk dikaitkan dengan baris maksud. Unsur perlambangan dalam rangkap pembayang digunakan bagi merujuk satu-satu pihak berdasarkan leksikal yang ditandai dengan leksikal **hitam**. Analisis yang dilakukan ini menjelaskan elemen koheren antara pembayang dengan maksud, seterusnya dapat mencungkil nilai murni, falsafah dan akal budi yang cuba dizahirkan dalam pantun ini.

Analisis Tahap 1: Semantik Skrip

Pada baris pembayang dalam rangkap Pantun (2), perlambangan melibatkan unsur tumbuhan, iaitu **asam kandis**. Asam kandis atau *Garcinia spp* (nama saintifik yang lain, seperti *G. Tinctoria* dan *Xanthochymus pictorius*) (Fatma Sri Wahyuni et al., 2011). Tumbuhan ini sememangnya agak sukar ditemukan di Tanah Melayu, tetapi masih boleh ditemukan di beberapa lokasi, seperti kawasan pedalaman di Kelantan, Sabah (Kuala Penyu, Sipitang dan Beaufort) dan Sarawak (Bintulu, Bekelu, Niah dan Miri) (Junaini Kasdan, 2015). Hal ini disokong oleh baris pembayang **asam kandis dari seberang** yang menunjukkan bahawa asam kandis ini bukan berasal dari Tanah Melayu, sebaliknya berkemungkinan dibawa dari kawasan yang berhampiran dengan Tanah Melayu. Baris makna dalam pantun ini pula menjelaskan keadaan sesuatu benda yang dilihat tidak elok dari segi luarannya, tetapi mempunyai unsur yang menarik di baliknya.

Analisis Tahap 2: Semantik Resonans

Tahap ini diteruskan dengan Teori Relevans (Sperber & Wilson, 1986). Pada peringkat ini, berlaku pemetaan abstrak kepada konkret. Pendekatan

ini dimulakan dengan proses memahami bentuk logik **bukan asam sebarang asam**. Tumbuhan ini bersifat konkrit, manakala frasa **bukan asam sebarang asam** pula bersifat abstrak. Dalam hal ini, fizikal luaran **asam kandis** dikaitkan dengan fizikal luaran sesetengah manusia. Metafora ini dianalisis menggunakan konsep eksplikatur dan bentuk logik seperti kajian yang dilakukan oleh Maizura dan Nor Hashimah (2018).

Jadual 2 Analisis Teori Relevans (TR).

Analisis TR		
Eksplikatur: <i>Bukan asam sebarang asam, Asam kandis dari seberang; Bukan hitam sebarang hitam, Tidak puas mata memandang.</i>	Bentuk Logik: <u>bukan</u> – berlainan daripada yang sebenarnya, tidak benar; <u>asam</u> – segala sesuatu yang masam rasanya, berasa seperti rasa cuka, masam; <u>sebarang</u> – bukan yang biasa sahaja; <u>kandis</u> – sejenis tumbuhan (pokok yang masam buahnya); <u>dari</u> – sendi kata yang menerangkan atau menyatakan tempat mula bergerak (bertolak, muncul, jatuh, dan lain-lain); <u>seberang</u> – sebelah sana sungai (jalan, laut dan lain-lain); <u>hitam</u> – warna seperti arang, lawannya putih; <u>tidak</u> – tidak, bukan; <u>puas</u> – berasa senang (kenyang, lega dan lain-lain); <u>mata</u> – alat pancaindera pada muka manusia atau binatang yang digunakan untuk melihat; <u>memandang</u> – menggunakan mata untuk mengetahui, melihat seraya mengendahkan, memperhati, mengamati (<i>Kamus Dewan Edisi Keempat</i> , 2016).	
Implikatur	Andaian Implikatur	Kesimpulan Implikatur
Bukan asam sebarang asam	Ciri fizikal asam kandis.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kulit gelap (hitam) 2. Fizikal yang luar biasa 3. Rupa paras yang gelap dan asing dengan masyarakat setempat, tetapi menarik (ciri menarik)

Bentuk logik bagi eksplikatur seterusnya dibentuk dan proses pengukuhan ensiklopedia berlaku pada tahap ini. Bentuk logik yang dihasilkan adalah seperti **bukan** adalah tidak benar, **asam** ialah segala sesuatu yang masam rasanya, **sebarang** adalah bukan yang biasa sahaja.

Namun begitu, makna yang dihasilkan daripada bentuk logik semata-mata tidak mampu menjelaskan maksud sebenar rangkap pantun tersebut. Bentuk logik yang dikemukakan hanya menjelaskan makna harfiah/literal. Hal ini sesuai dengan prinsip dalam Teori Relevans (TR), iaitu maksud sebenar tidak sewajarnya diperoleh daripada bentuk logik sahaja. Kaedah lain untuk mengukuhkan bentuk logik adalah melalui maklumat ensiklopedia pembaca atau pendengar. Maklumat ensiklopedia yang dihasilkan oleh pembaca atau pendengar menjadi lebih mudah sekiranya tahap kerelevan yang dicapai itu lebih tinggi berdasarkan persekitaran kognitifnya.

Analisis yang dilakukan ini seterusnya mengetengahkan konteks sebagai seberkas hipotesis yang diwujudkan secara psikologi oleh pembaca atau pendengar. Menurut Sperber dan Wilson (1986), hipotesis yang diketengahkan boleh membabitkan masa hadapan, andaian secara saintifik atau kepercayaan agama, memori lucu, budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran pemantun. Dalam TR, konteks dapat diaplikasikan melalui tiga kaedah, iaitu berdasarkan ujaran lepas (dalam wacana yang menghasilkan ujaran itu), rujukan daripada apa-apa hal yang berlaku di sekitaran manusia dan catatan ensiklopedia yang terdapat dalam ingatan individu yang dapat dirujuk apabila kata-kata itu timbul dalam ujaran (proposisi).

Baris pembayang **bukan asam sebarang asam** mengandungi ciri maksud yang implisit. Dalam bidang pragmatik, maksud tersebut dikenali sebagai implikatur. Dengan kefahaman intelektual pembaca atau pendengar, maklumat ensiklopedia yang ada, serta baris makna dalam rangkap pantun dan baris pembayang **bukan asam sebarang asam** dapat dikaitkan dengan individu berkulit gelap. Kaitan baris pembayang ini dengan **asam kandis** dapat dilihat dalam andaian implikatur yang dikemukakan. Andaian implikatur tersebut ialah ciri fizikal asam kandis berdasarkan bentuk logik dan rujukan baris makna dalam pantun. Dengan kemampuan kognisi yang ada, terdapat beberapa andaian implikatur yang dapat dihasilkan, seperti kulit gelap (hitam), fizikal yang luar biasa (buah yang asing) dan rupa paras yang asing dengan masyarakat setempat, tetapi menarik (ciri menarik). Frasa **asam kandis** bersifat konkrit, tetapi apabila analisis dilakukan pada baris pembayang **bukan asam sebarang asam** secara keseluruhannya, baris pembayang tersebut bersifat abstrak. Frasa yang bersifat abstrak seterusnya dianalisis menggunakan kaedah peluasan makna dengan menggabungkan **asam kandis** yang bersifat konkrit dengan konteks warna kulit gelap. Maka, analisis ini dapat

mengandaikan maksud eksplikatur tersebut secara permukaan. Konsep *ad hoc* berperanan untuk melakukan peluasan makna. Berdasarkan baris pembayang **bukan asam sebarang asam**, berlaku peluasan makna bagi frasa **asam kandis** daripada tumbuhan yang memiliki rasa yang masam dan sukar ditemukan di sekitar Tanah Melayu kepada fizikal manusia yang asing dalam kalangan masyarakat setempat. Hal ini membuktikan bahawa walaupun andaian (3) adalah berkenaan rupa paras yang asing dengan masyarakat setempat, tetapi dimilikinya ciri yang menarik. Andaian (1) dan (2) digugurkan kerana andaian tersebut dilihat bertentangan dan tidak menepati maksud sebenar dengan konteks yang hendak disampaikan.

Kesan konteks yang tinggi dicapai melalui andaian (3) disebabkan oleh tahap kerelevan yang tinggi untuk pembaca atau pendengar memproses mesej yang cuba disampaikan. Baris maksud pada pantun **bukan hitam sebarang hitam, tidak puas mata memandang** juga dapat mengukuhkan andaian (3) sebagai maksud sebenar di balik elemen implisit dalam baris pembayang **bukan asam sebarang asam**. Setelah dapatan maksud sebenar dalam baris pembayang **bukan asam sebarang asam** diperoleh, usaha memproses menjadi lebih rendah. Maksud implisit dalam data mempunyai kerelevan yang tinggi kerana maksud yang ingin disampaikan mudah difahami sekiranya disesuaikan dengan konteks dan kesan konteks yang diperoleh (Nurul Najihah & Arina Johari, 2021). Oleh hal yang demikian, kehadiran baris pembayang **bukan asam sebarang asam** dalam pantun ini merujuk kepada individu yang asing dengan masyarakat setempat dan memiliki kulit yang gelap.

Analisis Tahap 3: Semantik Inkuisitif

Persoalan tentang punca orang berkulit gelap dikaitkan dengan **asam kandis** dan justifikasi berdasarkan nilai, falsafah dan akal budi Melayu berkenaan penggunaan **asam kandis** bagi merujuk individu berkulit gelap perlu dijawab. Biasanya, **asam kandis** diproses sama seperti asam gelugur, iaitu menerusi kaedah pengeringan di bawah sinaran matahari. Kaedah pengeringan dilakukan dengan cara menjemur buah asam kandis yang telah dibersihkan di bawah sinaran matahari sehingga keadaan fizikal luaran atau warnanya bertukar menjadi kehitam-hitaman. Oleh itu, orang Melayu dahulu mengetengahkan pembayang **bukan asam sebarang asam** yang melibatkan objek **asam kandis** sebagai konsep perlambangan bagi merujuk individu yang berkulit gelap. Koheren antara **asam kandis** dengan rupa paras kulit **gelap** ini dijadikan satu daripada

medium komunikasi oleh penutur kepada pendengar, tetapi dengan kaedah yang lebih sopan-santun, serta menjaga hati dan perasaan orang lain. Seperti yang diterangkan pada tahap semantik skrip, tumbuhan ini agak sukar ditemukan di Tanah Melayu, tetapi masih boleh ditemukan di beberapa lokasi tertentu, seperti kawasan pedalaman Kelantan, Sabah (Kuala Penyu, Sipitang dan Beaufort) dan Sarawak (Bintulu, Bekelu, Niah dan Miri) (Junaini Kasdan, 2015). Hal ini menjadikan buah asam kandis sebagai tumbuhan yang menarik untuk diteroka secara lebih dekat.

Pembinaan konsep “sesuatu yang menarik” tercetus disebabkan oleh keberadaan buah asam kandis itu sendiri yang sukar ditemukan di sesetengah kawasan di Tanah Melayu. Secara tidak langsung, hal ini menggambarkan bahawa tidak semua orang memiliki sifat yang baik dan menarik. Dari segi pokok pula, didapati bahawa pokok asam kandis dan asam gelugur mempunyai perbezaan yang tersendiri dari segi fizikal pada bentuk buahnya. Buah asam gelugur berbentuk labu, tetapi saiznya kecil. Buah asam kandis pula berbentuk bulat seakan-akan buah limau nipis. Orang yang kurang arif tentang kedua-dua tumbuhan ini berkemungkinan beranggapan bahawa kedua-duanya pokok yang sama. Asam kandis sukar ditemukan. Oleh itu, secara logiknya, tumbuhan ini bukan calang-calang buah. Apabila dikaitkan dengan seseorang individu, jelaslah bahawa rupa paras dan sifat yang menarik itu tidak ada pada semua orang. Hal ini dapat dikaitkan dengan baris maksud dalam pantun, iaitu **bulan hitam sebarang hitam, tidak puas mata memandang**. Apabila jarang-jarang dilihat, sudah pasti tumbuhan itu menarik minat pemerhatinya yang terserempak dengannya. Idea yang cuba diketengahkan oleh orang Melayu terdahulu dalam pantun ialah ciri fizikal yang “menarik” pada **asam kandis** dan konsep “cantik” untuk dilihat melalui frasa **tidak puas mata memandang**. Kata “menarik” bermaksud memikat hati (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Kata “cantik” pula bermaksud sangat menarik apabila dipandang (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016). Oleh hal yang demikian, konsep “cantik” dikaitkan dengan ciri fizikal asam kandis yang “menarik” disebabkan buah ini jarang-jarang ditemukan, kecuali di beberapa tempat di sekitar semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak sehingga dapat menarik minat sesiapa sahaja untuk memandangnya. Orang Melayu terdahulu bijak memanifestasikan konsep “cantik” dengan ciri fizikal “menarik” yang ada pada asam kandis untuk dikaitkan dengan individu yang berkulit gelap. Hal ini turut menzahirkan persepsi yang positif dan penerimaan yang baik terhadap individu berkulit gelap dalam kalangan masyarakat Melayu.

Orang Melayu terdahulu cuba mengetengahkan isi hati, persepsi dan pandangan dirinya berkenaan keperibadian seseorang yang tidak hanya berdasarkan ciri fizikal luaran dan rupa paras. Penilaian terhadap diri seseorang itu dapat diteliti berdasarkan faktor lain, seperti keperibadian, akhlak, ilmu dan hati budinya. Orang Melayu terdahulu cuba mengaitkan manfaat yang ada pada **asam kandis** dengan individu berkulit gelap. Kepelbagai manfaat yang ditawarkan di balik buah **asam kandis** cuba dikaitkan dengan sifat keperibadian yang ada dalam diri seseorang individu yang ditandai dengan individu berkulit gelap tanpa menilai luarannya sahaja. Walaupun luaran buah **asam kandis** berubah menjadi kehitam-hitaman setelah dikeringkan untuk pelbagai kegunaan tertentu, **asam kandis** juga mampu menawarkan manfaat yang hampir sama seperti asam gelugur. Dalam kajian penyelidikan moden, terbukti bahawa **asam kandis** berperanan sebagai agen perasa semula jadi dalam masakan, serta dapat menghilangkan bau dan rasa hanyir ikan dan ayam (Nurma Fitriana & Afghani Jayuska, 2014). Asam kandis turut mempunyai kandungan asid sitrik yang bersifat organik dan kandungan metabolismik sekunder pada asam kandis membolehkannya dijadikan sebagai alternatif bagi bahan pengawet, antibakteria dan antioksidan untuk produk berasaskan tauhu (Ilhamsyah Azri et al., 2018). Orang Melayu zaman dahulu tidak mempunyai kemudahan peti sejuk untuk menyimpan lauk basah, seperti ikan, daging dan ayam. Oleh itu, kaedah pengawetan menggunakan asam kandis yang dapat ditemukan di sekitarnya digunakan dengan sebaik-baiknya. Orang Melayu dahulu tidak bertindak tanpa asbab yang munasabah dan kini banyak kajian berkenaan penyelidikan moden yang membuktikan kesahihan asbab tindakan yang diamalkan oleh orang terdahulu (Junaini Kasdan, 2015).

Kajian yang dilakukan oleh Fatma Sri Wahyuni et al. (2011) membuktikan bahawa terdapat kesan sitotoksik daripada penyulingan bahan etanol kulit batang dan akar asam kandis yang dapat menghalang pertumbuhan sel barah payudara T47D. Dalam perubatan tradisional masyarakat di Thailand, buah asam kandis digunakan sebagai alternatif untuk merawat salur darah. Dalam rawatan tradisional Melayu, kebaikan lain asam kandis ialah mampu menghindari masalah sembelit dengan kaedah merebus buah asam kandis dengan sedikit garam dan meminumnya. Dalam bidang kosmetik pula, asam kandis dijadikan sumber alternatif asli untuk menghalang masalah jerawat. Beberapa kajian lain juga membuktikan bahawa tanaman tumbuhan *genus Garcinia (guttiferae)* dikaji secara meluas dalam aspek fitokimia dan biologi (Departemen

Kesehatan Republik Indonesia, 2013). Tumbuhan daripada *genus Garcinia (guttiferae)* kaya dengan metabolit sekunder, terutamanya triterpena, flavonoid, xanton dan floroglucinol. Sebatian yang telah diasangkan dilaporkan mempunyai pelbagai aktiviti farmakologi, seperti antikanser, antiradang, antibakteria, antivirus, antikulat, anti-HIV, antidepressan dan antioksidan (World Health Organization, 1998).

Nilai yang dapat diambil daripada fizikal asam kandis yang berwarna kehitam-hitaman selepas dikeringkan ialah “Jangan menilai buku daripada kulitnya”. Kepelbagaiannya manfaat dari segi perubatan, kesihatan dan sebagainya mampu menjadi pengimbang terhadap fizikalnya yang berwarna kehitam-hitaman setelah dikeringkan. Maka, baris pembayang **bukan hitam sebarang hitam** dapat diketengahkan dengan koheren antara manfaat yang ada pada asam kandis dengan fizikalnya yang berwarna kehitam-hitaman setelah dikeringkan. Baris pembayang **bukan hitam sebarang hitam** juga menjelaskan keadaan sesuatu benda yang dilihat tidak elok dari segi luarannya, tetapi mempunyai unsur yang menarik di baliknya. Oleh itu, jelaslah bahawa orang Melayu terdahulu memanifestasikan unsur alam semula jadi yang ada di kelilingnya untuk mengetengahkan isi hati, persepsi dan pandangan terhadap sesuatu perkara seperti dalam pantun ini.

KESIMPULAN

Perlambangan tumbuhan dalam bait pantun Melayu bukan sewenang-wenangnya digunakan bagi menyampaikan sesuatu maksud, tetapi terselit nilai, pemikiran dan falsafah yang menzahirkan keintelektualan masyarakat Melayu terdahulu. Di balik perlambangan tumbuhan yang terdapat di keliling kehidupan manusia, masyarakat Melayu terdahulu telah memanifestasikan sumber yang ada bagi mengetengahkan makna dan falsafah yang positif bagi mewakili perihal berfikir orang terdahulu (Norazimah Zakaria et al., 2017). Pelbagai unsur metafora yang melibatkan perlambangan tumbuhan digunakan bagi menyampaikan kecantikan “isi hati”. Hal ini sedikit sebanyak menyerlahkan akal budi bangsa Melayu dalam penciptaan unsur aforisme dalam metafora tradisional Melayu. Oleh itu, bukan sahaja makna tersirat dapat diinterpretasi, malah kebijaksanaan dan tahap keintelektualan bangsa Melayu dapat diserlahkan kerana mampu mengaitkan objek abstrak dengan makna konkret, seterusnya memperlihatkan falsafah di balik penciptaan unsur metafora tradisional Melayu.

Dalam masa yang sama, masyarakat Melayu terdahulu juga cuba membetulkan persepsi masyarakat dan memberikan nasihat berkenaan penilaian terhadap seseorang individu. Penilaian tidak semestinya berdasarkan aspek luaran yang merangkumi rupa paras dan warna kulit sahaja, tetapi mestilah merangkumi aspek lain, seperti budi pekerti dan akhlak.

PENGHARGAAN

Pengarang merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia kerana memberikan sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Siti Noraini Hamzah: Konsep dan reka bentuk kajian, penyediaan makalah akhir, semakan, pengesahan makalah akhir, penghantaran manuskrip akhir dan pembetulan manuskrip akhir; Mohamad Norshafuan Ramlan: Pengumpulan data, analisis statistik, penginterpretasian hasil, penulisan makalah dan penyediaan makalah.

PENDANAAN

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia daripada pengarang koresponden atas permintaan.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisyiharkan.

RUJUKAN

- A. Samad Ahmad. (1982). *Warisan Perubatan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd. Rachman Abror. (2003). Nilai-nilai Islam yang terkandung dalam pantun etnik Melayu di Pontianak. [Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.

SITI NORAINI HAMZAH DAN MOHAMAD NORSHAFUWAN RAMLAN

- Anida Sarudin & Parameswary Shanmugam. (2023). Operasi metafora nilai kerajinan dalam peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil: Analisis Teori Hibrid. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 33–64. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no2](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no2)
- Arif Nur Muhammad Ansori, Amaq Fadholly, Suhailah Hayaza, Raden Joko Kuncoroningrat Susilo, Bilqis Inayatillah, Dwi Winarni, Saikhu Akhmad Husen. (2020). A review on medicinal properties of mangosteen (*Garcinia mangostana L.*). *Research Journal of Pharmacy and Technology*, 13(2), 974–982. doi: 10.5958/0974-360X.2020.00182.1
- Asiah Ismail, Anida Sarudin, Zulkifli Osman & Husna Faredza Mohamed Redzwan. (2021). Proses pembentukan makna simpulan bahasa “kepala angin” menggunakan prinsip metafora integrasi. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 21(2), 86–110.
- Aye Aye, Young-Jae Song, Yong-Deok Jeon & Jong-Sik Jin. (2020). Xanthone suppresses allergic contact dermatitis in vitro and in vivo. *International Immunopharmacology*, 78. <https://doi.org/10.1016/j.intimp.2019.106061>
- Carston, R. (2002). *Thoughts and utterances: The pragmatics of explicit communication*. Blackwell Publishing.
- DeFilipps, R. A., Maina, S. L., & Crepin, J. (2004). Medicinal plants of the Guianas. <http://botany.si.edu/bdg/medicinal/index.html>.
- Dina Febrina, Tiana Milanda & Muchtaridi. (2018). Pharmacological activity Garcinia Mangostana Linn: A review. *International Journal of Current Medical Sciences*, 8(5), 430–433. <http://dx.doi.org/10.24327/ijcmes2018.08050047>
- Essy Sham, Qori Islami Aris & Vita Amelia. (2022). Animate metaphors: Satirizing leaders in Tenas Effendy’s *Pantun Kelakar*. *Journal of Language, Literary, and Cultural Studies*, 5(1), 75–83. <https://doi.org/10.30996/anaphora.v5i1.6525>.
- Fatimah Md Yassin. (1991). Cerita rakyat sebagai alat pendidikan: Satu analisis isi yang bercorak etika. Dlm. Mohd Taib Osman (pnyt.), *Pengkajian sastera rakyat bercorak cerita* (150–165). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatma Sri Wahyuni, Suci Sutma & Yufri Aldi. (2011). Uji efek sitotoksik ekstrak etanol kulit buah asam kandis (*Garcinia Cowa Roxb.*) terhadap sel kanker payudara T47D dengan metoda MTT (*Microtetrazolium*) ASSAY. *Jurnal Sains dan Teknologi Farmasi*. 16(2), 209–215.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu tradisional: Satu pembicaraan genre dan fungsi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Health Line. (2019). 11 health benefits of mangosteen. <https://www.healthline.com/nutrition/mangosteen>.
- Ilhamsyah Azri, Akhyar Ali & Yelmira Zalfiatri. (2018). Efektifitas buah asam kandis (*Garcinia diocia Blume*) sebagai bahan penggumpal dan pengawet pada produk tahu. *Jurnal Online Mahasiswa*, 5(2), 1–14. <https://jom.unri.ac.id/index.php/JOMFAPERTA/article/view/21096/20416>

- Ili Natasya Marzaimi & Wan Mohd Aizat. (2019). Current review on mangosteen usages in antiinflammation and other related disorders. Dlm. R. R Watson & V. R. Preedy (pnyt.), *Bioactive food as dietary interventions for arthritis and related inflammatory diseases* (273–289). Elsevier Science.
- Julaina Nopiah & Fikratul Jahriyyah Anuar. (2023). Unsur eufemisme dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 1–32.
- Julaina Nopiah, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2018). Refleksi gastronomi dalam komunikasi: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Komunikasi Malaysian*, 34(1), 185–201.
- Julaina Nopiah & Nur Maizatul Maisarah Nasrong. (2020). Makna ujaran implisit dalam vlog Mat Luthfi: Analisis Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 20(2), 203–230.
- Junaini Kasdan. (2015). Unsur asam dan akal budi Melayu. *Seminar Meja Bulat Simpulan Bahasa dan Kognitif Penutur*. ATMA, UKM. https://www.researchgate.net/profile/JunainiKasdan/publication/308691823_UNSUR_ASAM_DAN_AKAL_BUDI_MELAYU_ANALISIS_SEMANTIK_INKUISITIF/links/57eb1a9e08aeafc4e88a5ba6/UNSUR-ASAM-DAN-AKAL-BUDI-MELAYU-ANALISIS-SEMANTIK-INKUISITIF.pdf.
- Kamus dewan edisi keempat*. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus pelajar edisi kedua*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2019). Kudis tekanan. <http://www.myhealth.gov.my/kudistekanan/#:~:text=Kudis%20tekanan%20adalah%20kawasan%20kulit,pengaliran%20darah%20ke%20kawasan%20tersebut>.
- Khai Azfar. (2019). Digelar hitam! Haneesya Hani sekali lagi dihentam netizen. *Portal online Murai.my*. <https://murai.my/2019/67060/digelar-hitam-haneesya-hani-sekali-lagi-dihentam-netizen/>.
- Kurik Kundi Merah Saga: Kumpulan Pantun Lisan Melayu Edisi Kedua*. (2015). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maizura Osman & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Metafora kritikan dalam mitos peminangan Puteri Gunong Ledang: Analisis pragmatik. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 11(1), 19–46.
- Maulana Al-Fin Che Man & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Unsur burung dalam pantun: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1), 1–15. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/72>
- Maulana Al-Fin Che Man & Nor Hashimah Jalaluddin. (2022). Fenomena alam dalam pantun Melayu. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 15(2), 161–176. [http://doi.org.10.37052/jm.15\(2\)no1](http://doi.org.10.37052/jm.15(2)no1)
- Maulana Al-Fin Che Man, Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2022). Latar geografi maritim dan akal budi Melayu dalam pantun. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 10(2), 33–46. <https://doi.org/10.17576/jatma-2022-1002-04>

SITI NORAINI HAMZAH DAN MOHAMAD NORSHAFUWAN RAMLAN

- Mohammad Khairulanwar Abdul Ghani & Noriah Mohamed. (2020). Analisis semantik inkuisitif: Simbol ‘Bunga’ dalam pantun Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(4), 36–48. <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/150>.
- Mohd Syukri Anwar & Nor Hashimah Jalaluddin. (2021). Lipas dan katak dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Linguistik*, 25(2), 33–49. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/225/168>.
- Morton, J. F. (1987). *Mangosteen: Fruit of warm climates*. Indiana: Purdue University. <https://hort.purdue.edu/newcrop/morton/mangosteen.html>.
- Muhammad Zaid Daud. (2018). Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slanga. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 43–52. <https://maltesas.my/msys/explore/detailsg.php?det=...>
- Natasya Marzaimi & Wan Mohd Aizat. (2019). Current review on mangosteen usages in antiinflammation and other related disorders. Dlm. *Bioactive food as dietary interventions for arthritis and related inflammatory diseases* (edisi ke-2), (273–289).
- Nik Musa’adah Mustapha, Nik Zanariah Nik Mahmood, Nor Azah Mohamad Ali & Norini Haron. (2017). *Khazanah perubatan Melayu tumbuhan ubatan*, 2. Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).
- Norazimah Zakaria, Azlina Abdullah, Sharifah Zarina Syed Zakaria, Mimi Hanida Abdul Mutalib, Alizah Lambri, Siti Salwa Jamaldin, Mashitah Sulaiman & Rosmah Derak. (2017). Akal budi dan cerminan jati diri Melayu dalam pantun. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(2). https://www.researchgate.net/publication/324866095_Akal_Budi_dan_Cerminan_Jati_Diri_Melayu_dalam_Pantun/citations
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2020). Kecendekiaan Melayu melalui bahasa sastera dan budaya sumbangsih untuk Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim. Universiti Malaya.
- Nurma Fitriana & Afghani Jayuska. (2014). Aktivitas antibakteri ekstrak etanol buah asam kandis (*Garcinia diocia Blume*) yang terenkapsulasi maltodekstrin. JKK, Tahun 2014, 3(1), 7–11.
- Nurul Huda Mohd Saad, Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad. (2015). Penelitian semula makna imbuhan meN-: Kajian eksplisit vs implisit. *Seminar Linguistik Kebangsaan (SLiK2015)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Najihah Abdullah Thani & Arina Johari. (2021). Teori Relevans: Analisis makna implisit dalam drama komedi *Kampung People 2. International Young Scholars Journal of Languages*, 4(1).
- Omarin Haji Asha’ari. (1961). *Kajian pantun Melayu*. Malaya Publishing House Limited.

- Organic Facts. (2020). *12 Power benefits of mangosteen*. <https://www.organicfacts.net/health-benefits/fruit/mangosteen.html>
- Rozaimah Rashidin, Nor Umiumairah Mohamad & Zuraidah Jantan. (2023). Metafora akal, kehidupan dan fikiran dalam buku *Falsafah Hidup Karya Hamka*. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 113–146. [https://doi.org/10.37052/jb23\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/jb23(1)no5)
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and Cognition*. Blackwell Publishers.
- Star Media Group. (2019). Dicapai pada 24 Oktober 2023.
- Suranant Subhadrabandhu. (2001). *Under-utilized tropical fruits of Thailand*. RAP Publications.
- Suriana Che Awang & Khadijah Alavi. (2020). Buli siber: Impak emosi dalam kalangan pelajar UKM. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(5). <http://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/issue/view/17>
- Suriati Zakaria & Nor Hashimah Jalaluddin. (2016). Konsep ruang dalam Anggun Cik Tunggal: Analisis semantik inkuisitif. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 16(3), 187–204.
- Syeikh Hakim Moinuddin Chishti. (1996). *Kitab ilmu perubatan kesufian: Kitab al-Tibb al-Rauhi as-Sufi*. Thinker's Library Sdn. Bhd.
- World Health Organization Regional Office for the Western Pacific. (1998). *Medicinal plants in the South Pacific: Information on 102 commonly used medicinal plants in the South Pacific*. World Health Organization.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2017). Nilai pendidikan dan kebijaksanaan masyarakat Melayu dalam pantun dan peribahasa Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 5(2), 73–86. <https://doi.org/10.17576/IMAN-2017-0502-06>